

Malakoff catat untung RM286.6j

K05110 A Hnd 24|2|2021 M3|2

PETALING JAYA - Malakoff Corporation Berhad (Malakoff) mencatatkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti sebanyak RM286.6 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

Keuntungan bersih itu merosot sebanyak 10.5 peratus berbanding RM320.2 juta yang dicatatkan dalam tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

Faktor utama adalah disebabkan oleh ketiadaan keuntungan *one-off* daripada penjualan pelaburan dalam Malakoff Australia Pty Ltd. ("MAPL") pada tahun kewangan sebelumnya.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Malakoff, Anwar Syahrin Abdul Ajib berkata, Malakoff secara keseluruhannya mencatat keputusan yang memuaskan di sebalik tahun 2020 yang mencabar.

"Kumpulan terus fokus untuk meningkatkan kecekapan operasi kilangnya dan meningkatkan kebolehpercayaan serta ketersediaan walau dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Pandemik Covid-19 dan banjir di Pantai Timur baru-baru ini telah meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan Alam Flora Sdn. Bhd. bagi pembasmian kuman dan pembersihan pasca banjir," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Anwar Syahrin berkata, pihaknya turut memperoleh satu lagi projek solar dengan Pos Malaysia Berhad pada kapasiti 2.34 megawatt (MW) baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, ia merupakan tambahan kepada projek solar bersama Johor Port Berhad dan Northport (Malaysia) Bhd. pada tahun lalu.

Selain itu, Kumpulan Malakoff mengambil bahagian dalam tender Projek Solar Berskala Besar Pusingan Keempat (LSS4) oleh kerajaan pada Mei tahun lalu.

"Kumpulan Malakoff melalui Southern Biogas Sdn. Bhd. dianugerahkan Feed-in Tariff (FIT) Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA) untuk membangunkan loji tenaga biogas 2.4 MW di Johor," kata beliau.